

NOTIS MAKLUMAN

Para pelanggan yang dihormati,

PELAKSANAAN *THIRD-PARTY INVOICING* DI BAWAH SKIM MALAYSIA-NEW ZEALAND FREE TRADE AGREEMENT (MNZFTA)

Sukacitanya dimaklumkan bahawa mulai **1 Oktober 2020**, pengeksport akan dibenarkan untuk menggunakan transaksi *Third-Party Invoicing* (TPI) di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-New Zealand (MNZFTA). Penambahan transaksi TPI adalah berikutan persetujuan Mesyuarat Jemaah Menteri ke atas pindaan **Article 1 of Annex 3 Procedures and Verification** di bawah MNZFTA. Untuk makluman, pindaan kepada *Article 1 of Annex 3 Procedures and Verification* dan perubahan kod tarif MNZFTA ke HS2017 telah diwartakan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Selaras dengan pindaan tersebut, pengeksport yang ingin menggunakan transaksi TPI di bawah skim MNZFTA, perlu memilih kategori *application case TPI* dalam sistem ePCO. Pengeksport masih boleh menggunakan Borang MNZFTA yang sedia ada memandangkan tiada perubahan akan dibuat pada Borang tersebut. Manakala maklumat mengenai Pihak Ketiga (*Third Party*) perlu dikunci masuk ke dalam Kotak 6. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai pelaksanaan transaksi TPI, boleh dikemukakan kepada pco@miti.gov.my.

Sekian, terima kasih.

Pengarah Kanan

Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
28 September 2020